

# PM jawab afidavit Anwar

BH - 5 APR 2000

KUALA LUMPUR, Selasa → Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memfailkan afidavit bagi menjawab afidavit Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung keahadirannya di mahkamah sebagai saksi pembela.

Peguam bela Anwar, S N Nair mengesahkan afidavit jawapan itu difailkan di mahkamah hari ini.

Katanya, pihak mahkamah sudah menyerahkan afidavit itu kepada anak guamnya pada jam 12.30 tengah hari ini.

Beliau berkata, pihaknya kini dalam proses untuk menjawab balik afidavit setebal 14 halaman itu.

Pada 9 Mac lalu, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman yang menyatakan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbincangan kes liwatnya.

Sebelum itu, pada 18 Februari lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes itu sebelum memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Sementara itu, Ariffin berkata beliau tidak akan melayan

lagi sebarang afidavit yang difailkan di mahkamah berhubung permohonan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin untuk mengetepikan sapina.

Katanya, beliau akan mendengar permohonan Daim esok dan tidak akan merujuk kepada afidavit yang difailkan pagi esok.

Ariffin berkata, beliau perlu bertegas bagi memastikan tidak ada lagi permohonan penangguhan untuk tujuan memfailkan afidavit.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan peguam bela Daim, Ng Aik Guan dan peguam bela Datuk Seri Anwar Ibrahim, Karpal Singh berunding bagi menentukan afidavit yang akan digunakan dalam permohonan itu.

Katanya, ini akan mengelakkan pihak terbabit daripada memfailkan afidavit lagi.

Karpal pula memberitahu mahkamah bahawa pihaknya memerlukan masa untuk meneliti afidavit jawapan Daim yang baru diserahkan pagi ini.

Katanya, kemungkinan besar pihaknya tidak akan menjawab afidavit itu tetapi ingin menelitinya dulu.

Ng berkata, anak guamnya

haru memfailkan afidavit bagi menjawab afidavit jawapan Anwar pagi ini dan sudah menyerahkan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, di antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, Anwar dan Sukma Darmawan didakwa mengikut mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September 1998 kerana membenarkan Anwar meliwatnya, juga didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada 1997.

Perbincangan bersambung esok.